

14 MAR 2001

Osu-Jawatan

PENGGILIRAN: OSU TERUSKAN TUGAS SEHINGGA ARAHAN SELANJUTNYA

KOTA KINABALU, 14 Mac (Bernama) -- Datuk Osu Sukam, yang akan menamatkan tempoh dua tahun menerajui tampuk pemerintahan kerajaan negeri mengikut sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah, berkata beliau akan meneruskan tugas seperti biasa sehinggalah ada arahan selanjutnya.

Ketika ditanya sama ada beliau ada menerima apa-apa arahan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kemungkinan beliau akan meneruskan tugas sehinggalah keputusan mengenai sistem itu diumumkan, Osu berkata: "Anda kena tunggu...sehingga arahan selanjutnya."

Mengikut sistem itu, tempoh Osu sebagai Ketua Menteri berakhir hujung minggu ini.

Beliau ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri di sini hari ini.

Kepada soalan sama ada mesyuarat kabinet hari ini adalah yang terakhir beliau sebagai pengerusi, Osu secara bergurau berkata: "Mungkin...mungkin juga saya akan berjumpa lagi dengan anda minggu depan dan minggu seterusnya."

Sistem unik itu -- yang memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama untuk menerajui kerajaan negeri bagi tempoh dua tahun seorang -- mula dilaksanakan apabila Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada 17 Mac 1994.

Sistem itu dimulakan dengan pelantikan Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun) mewakili kaum Bumiputera Islam sebelum digantikan oleh Datuk Salleh Tun Said apabila Sakaran dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri.

Salleh kemudian diganti oleh Datuk Yong Teck Lee mewakili kaum Cina sebelum jawatan itu digilirkan lagi kepada kaum Bumiputera bukan Islam yang diwakili Tan Sri Bernard Dompok, yang bagaimanapun hanya memegang jawatan itu kira-kira setahun.

Osu kemudian dilantik ke jawatan itu apabila Dompok tewas pada pilihan raya negeri 12-13 Mac 1999.

Kesemua pemimpin parti komponen BN Sabah sebelum ini telah mengemukakan pandangan bertulis masing-masing kepada Perdana Menteri bagi membolehkan beliau membuat keputusan mengenai masa depan sistem berkenaan.

-- BERNAMA

JS ZB